

# Jawatankuasa aduan seiring pemantauan kes salah laku polis

BH - 8/11/2020 mlb: 2

Penubuhan dikendalikan satu agensi kerajaan babit 20 badan penguat kuasa

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa aduan bagi memantau pengendalian aduan kes salah laku membabitkan 20 agensi penguat kuasa, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil berikutan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dinaik taraf kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang menyiasat salah laku anggota polis.

Katanya, penubuhan jawatankuasa aduan itu juga bagi memastikan pemantauan ke atas 20 agensi penguatkuasaan berkenaan dapat terus dilakukan seiring pemantauan ke atas anggota polis.

"Jawatankuasa ini akan ditubuhkan secepat mungkin dan dikendalikan satu agensi kerajaan yang akan ditentukan kemudian," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Jawatankua-

sa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) di sini, semalam.

Dua puluh agensi itu adalah Jabatan Imigresen, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Jabatan Perikanan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan), Kementerian Pelancongan (Unit Penguatkuasaan Bahagian Pelesenan).

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Bahagian Penguatkuasaan), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan), Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Lembaga Pelesenan dan Kenderaan Perdagangan (LPKP) serta Pendaftar Perniagaan (ROC).

Julai lalu, kerajaan membentangkan Rang Undang-undang (RUU) IPCMC 2019 di Dewan Rakyat bertujuan menggantikan EAIC bagi meningkatkan integriti dan keupayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM). IPCMC akan bertindak sebagai badan pemantau bebas untuk menerima aduan dan menyiasat kes salah laku anggota polis.

Bagaimanapun pada Disember lalu, pembentangan untuk bacaan kali kedua dan ketiga RUU itu ditangguhkan selepas ia dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang membentangkan 37 pindaan baharu.

Yang turut hadir mesyuarat semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Sebanyak 182 kertas kerja berkaitan cadangan dan isu governans, integriti dan antirasuah dibentang serta dimaklumkan pada mesyuarat berkenaan. Daripada jumlah itu, sebanyak 47 cadangan dan usul diselesaikan dan diambil tindakan.

Mesyuarat dimaklumkan, sehingga 31 Disember lalu, sebanyak 22 daripada 115 inisiatif dalam Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023, diselesaikan dan dilaksanakan, termasuk pengisytiharan harta oleh anggota pentadbiran, manakala 93 inisiatif masih dalam tindakan.

Perdana Menteri turut menjelaskan, mesyuarat berkenaan juga bersetuju memberikan lanjutan masa setahun kepada agensi peneraju berkaitan untuk melaksanakan inisiatif yang belum selesai.